

Syor tubuh majlis gaji PKS dikaji

BH - 22/6/07

Kerajaan timbang penentuan upah sektor lain

Oleh Shamshul Azree Samshir

PUTRAJAYA: Kementerian Sumber Manusia akan mengkaji cadangan menubuhkan majlis penetapan gaji sektor perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang dianggarkan mewakili kira-kira 60 peratus daripada 10.5 juta pekerja sektor swasta di seluruh negara.

Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Dr Fong Chan Onn, berkata penubuhan majlis penetapan gaji sektor PKS wajar dipertimbangkan kerana bidang itu tidak ada mekanisme khusus menentukan gaji pekerja.

"Kementerian juga sedia menimbang menubuhkan majlis penetapan gaji di sektor lain. Jika Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) ada cadangan atau mereka ada sektor tertentu (yang difikirkan perlu ditubuhkan majlis penetapan gaji) kita boleh berbincang," katanya semalam.

Dr Fong berkata demikian selepas menyampaikan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2006 kepada 442 kakitangan pelbagai peringkat yang menerima sijil dan wang tunai RM1,000 seorang.

Sejak Akta Lembaga Gaji 1947 di-

perkenalkan, kerajaan menubuhkan tujuh majlis penetapan gaji iaitu tiga di Sabah dan masing-masing dua di semenanjung dan Sarawak bagi menjaga kepentingan 1.2 juta pekerja yang tidak diwakili kesatuan sekerja.

Antara sektor yang mempunyai majlis penetapan gaji ialah pemban-

“ Kita akan terus berdialog dengan MTUC bagi menerangkan mengenai mekanisme yang diguna pakai kerajaan mengekalkan keharmonian industri dan menggalakkan pelaburan baru ”

Dr Fong Chan Onn
Menteri Sumber Manusia

tu kedai, pengendali kargo, pekerja pawagam, pekerja am sektor pekebun kecil di Sabah dan Sarawak, pengawal keselamatan dan pekerja pembersihan.

Dr Fong berkata, kerajaan terbuka dengan cadangan menubuhkan lebih banyak majlis penetapan gaji dan sebelum ini membenarkan suruhanjaya siasatan menentukan gaji pekerja industri hotel.

"Kita akan terus berdialog dengan MTUC bagi menerangkan mengenai mekanisme yang diguna pakai kerajaan mengekalkan keharmonian industri dan menggalakkan pelaburan baru," katanya.

Dr Fong berkata, walaupun tidak mengamalkan dasar gaji minimum bagi sektor swasta, kerajaan sentiasa menjaga kepentingan sektor yang tidak memiliki mekanisme khusus dalam menentukan gaji melalui penubuhan majlis penetapan gaji.

Beliau berkata, kementerian akan bertemu MTUC sekali lagi bagi membincangkan isu tuntutan gaji minimum RM900 dan Elaun Sara Hidup (Cola) RM300 untuk pekerja sektor swasta.

Bagaimanapun, beliau tidak menyatakan bila pertemuan itu akan diatur.